

Tingkat kesedaran jaga kebersihan sungai

■ **Johor Bahru**

Peruntukan RM900,000 yang disalurkan kerajaan negeri bagi menampung kos pembersihan dan pembangunan di sungai seluruh Johor sejak bulan Januari hingga kini masih diteruskan.

Sehingga September lalu, 58 daripada 142 inisiatif dibuat dalam usaha memulihara dan memelihara alam sekitar.

Ini menunjukkan tahap kesedaran setiap individu bagi memastikan kualiti air bersih terjamin berada pada tahap rendah.

Pengerusi Jawatankuasa Kesi-

hatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata sikap masyarakat yang tidak peka dengan sumber air bersih memberi impak kepada pencemaran alam sekitar.

Perlu komitmen semua pihak

Beliau berkata, sebanyak 42 premis perniagaan sekitar Sungai Skudai yang beroperasi di situ seharusnya memainkan peranan menjaga kebersihan.

Beliau berkata, peniaga perlu lebih peka kepada aktiviti harian dengan tidak membuang tumpahan minyak dan sisa makanan dari premis ke parit berdekatan

berhampiran sungai.

"Masalah ini dapat diatasi dengan adanya komitmen jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, selain tanggungjawab masyarakat secara bersama mengawal pembuangan sampah ke dalam sungai.

"Kita memerlukan alat perangkap sampah bagi tujuan menjaga kualiti air di Sungai Skudai sepanjang 46 kilometer (km) ini pada pembangunan akan datang," katanya pada majlis perasmian sambutan Karnival Sungai Skudai 2015, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Pe-

ngairan dan Saliran Johor, Nor Hisham Mohd Ghazali.

Tingkat kesedaran generasi muda

Sebanyak 12 sekolah menyertai karnival ini, membabitkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan.

Peserta diberi pendedahan mengenai kepentingan menjaga sungai dan penjagaan alam sekitar secara menyeluruh.

Kesedaran awal penting bagi memastikan generasi muda diberi maklumat mengenai usaha menjaga alam sekitar untuk kepentingan generasi akan datang.



Ayub Rahmat